

MAJLIS MAKAN TENGAHARI SEMPENA HUT KE- 20 NO 18 SKN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2107-majlis-makan-tengahari-sempena-hut-ke-20-no-18-skn

BUTTERWORTH, 18 Jul 17 - No 18 Skuadron telah mengadakan satu Majlis Makan Tengahari bersama Pegawai-Pegawai Eksekutif Pangkalan Udara Butterworth sempena menyambut Hari Ulang Tahun Ke-20. Majlis ini diadakan sebagai simbolik bagi menzahirkan penghargaan yang tidak berbelah bahagi kepada semua dalam memberi sokongan selama pengoperasian pesawat F/A-18D dan No 18 Skuadron di Pangkalan Udara Butterworth. Majlis dimulakan dengan ucapan penghargaan dan aluan oleh Pegawai Laksana No 18 Skuadron, Lt Kol Abdul Rahim bin Jusoh TUDM.

